



*EON Inspirasi*  
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

*Rahsia Lebah*  
Sains vs Alquran

*Warisan Semulajadi Geologi*  
Hubungan dengan Flora dan Fauna

*Basic Navigation in Forest*  
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

# Tinta Alumni

## PERJALANAN KEHIDUPAN SEORANG MAHASISWA

Oleh  
Ariff Bin Ismail  
Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan,  
Kampus Kuala Pilah,  
Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri  
Sembilan

[ariffrecon@gmail.com](mailto:ariffrecon@gmail.com)

EDITOR: NURSYAZNI ABDUL RAHIM

Assalamualaikum w.b.t., dan salam sejahtera...

Salam UiTM dihatiku buat semua pembaca majalah *Epitome of Nature*. Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas kurniaan masa serta ilham untuk saya kongsi secebis perjalanan kehidupan saya sebagai seorang mahasiswa di UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah (UiTMCNSKP).

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ts. Faikah Ismail atas jemputan beliau kepada saya untuk menulis sebuah cerita tentang perjalanan kehidupan seorang alumni mahasiswa UiTM. Saya berasa amat bangga dan terharu di mana dalam beratus ramai alumni, beliau telah mempelawa saya bagi sesi perkongsian ini. Beliau merupakan salah seorang pensyarah yang saya hormati dan segani. Salah satu impak besar dalam perjalanan saya bermula daripada bimbingan setia beliau yang telah mengajar saya semasa semester satu pengajian Diploma. Daripada tahun 2017 hingga sekarang, beliau tidak melupakan saya bahkan memilih saya untuk mengongsikan cerita ini.

Turut tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah, staf serta editor majalah ini yang berusaha untuk menggabungkan pelbagai sketsa pengalaman para alumni. Saya berharap penulisan saya ini dapat dijadikan inspirasi buat bakal mahasiswa dan mahasiswi UiTM khususnya mereka yang bertempat di salah satu kampus yang saya sayangi, UiTMCNSKP.

Nama diberi ialah Ariff, merupakan bekas pelajar **Diploma Mikrobiologi (2017 – 2020)** di UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Mikrobiologi Gunaan (2020 – 2023) di UiTM Shah Alam. Saya menetap di Petaling Jaya, Selangor dari kecil di mana saya membesar dikelilingi oleh suasana bandar yang teramatlah kontra dengan suasana kampung di Kuala Pilah. Teringat apabila saya membuat carian di platform *Google* tentang kampus tersebut, pelbagai jenis persoalan dan perasaan negatif terlintas di fikiran.

Akan tetapi, siapa yang sangka di penghujung tahun pengajian Diploma saya, kampus inilah yang amat saya cintai dan tersemat kemas dalam lubuk hati ini.

*There is no other place like Kuala Pilah.*

Pengajian selama tiga tahun di UiTMCNSKP sudah cukup bagi saya untuk menghayati pelbagai memori samada manis atau pahit. Semasa zaman persekolahan, saya hanya seorang pelajar biasa yang tidak sehebat rakan-rakan lain yang sudah pun mencapai pelbagai jenis penghargaan dari segi "akademik, organisasi dan sukan."

Sejurus saya melangkah ke alam pengajian peringkat tinggi, tiga perkara ini merupakan objektif utama atau tugu yang ingin saya bina dalam kehidupan saya sebagai seorang mahasiswa. Belajar di UiTMCNSKP telah dijadikan satu medan untuk bertapak dan membina diri saya sekali gus menjadi titik perubahan kehidupan saya, bak kata pepatah Inggeris yang berbunyi "*From nothing into something.*"



Gambar 1: Penulis bersama rakan sekelas AS1145C1 sewaktu pengajian peringkat Diploma

Mencari keseimbangan di antara tiga tugu (Akademik, organisasi dan sukan) ini susah tetapi tidak pula mustahil. Ia merupakan proses pembelajaran yang berterusan bagi saya untuk menemukan keseimbangan tersebut.

Saya mulakan dengan tugu pertama, iaitu akademik. Saya amat bersyukur kerana telah dipertemukan dengan barisan pensyarah yang setia membimbing para pelajar tanpa berkira tentang tenaga dan masa. Barisan pensyarah UiTM CNSKP juga terdiri daripada pelbagai individu yang sangat hebat bahkan sangat mesra bukan sahaja semasa belajar akan tetapi di luar waktu kuliah juga. Panjang senarainya kalau saya sertakan nama-nama bekas pensyarah yang telah membawa impak besar ke atas diri saya dek kerana jasa mereka yang tidak terkata.

Salah seorangnya adalah Puan Hasratul Nadiah atau lebih dikenali sebagai Madam Has yang merupakan pensyarah untuk kursus *Basic Analytical Chemistry* semasa saya berada di semester tiga. Semasa itu saya tidak tahu tentang penghargaan akademik yang diberikan oleh pihak UiTM apabila seseorang pelajar mendapat dekan setiap semester (anugerah ANC) ataupun tamat dengan anugerah dekan (CGPA atas 3.5 ataupun Kelas Pertama). Masih segar di ingatan semasa berada di dalam makmal, beliau telah "*menampar*" saya dengan satu nasihat untuk terus berusaha mendapatkan anugerah tersebut.

Cerita panjang dipendekkan, selepas mengharungi pelbagai cabaran, saya telah pun memperolehi *CGPA* 3.64 untuk Diploma dan anugerah Kelas Pertama iaitu 3.69 bagi Ijazah Sarjana Muda. Turut tidak dilupakan Projek Tahun Akhir bersama rakan sekelas yang bertajuk *Effect of Different Incubation Time of Pickling on Watermelon Rinds* yang menggamit memori seperti membeli bahan projek bersama-sama di Giant Kuala Pilah diikuti dengan persinggahan untuk menikmati ayam goreng di Uncle Jack.

Buat pembaca yang berminat, bolehlah hadir sendiri ke pekan Kuala Pilah yang pesat membangun jika dibandingkan dengan tahun sebelum ini. *McDonald, Family Mart, and TeaLive*. Saya pasti beberapa nama jenama ini sudah cukup untuk menghilangkan perasaan gementar terutamanya buat pelajar yang membesar dengan norma kehidupan bandar.

Seterusnya adalah pengalaman saya melibatkan diri dengan organisasi yang bermula dengan sengaja menghadirkan diri ke temu bual Kelab Sahabat yang diadakan di Pusat Islam. Saya pergi ke temu ramah tersebut tanpa mengharap apa-apa, hanya ingin mendapatkan pengalaman sahaja. Namun saya terkejut apabila diberikan tanggungjawab yang besar setelah dilantik sebagai Exco Komunikasi Korporat dan seterusnya satu jawatan dalam Majlis Tertinggi.

Terlalu banyak kenangan yang telah dicipta bersama rakan-rakan seperjuangan Kelab Sahabat seperti aktiviti kesukarelawanan yang diadakan di sekolah-sekolah Orang Asli di Jempol, aktiviti imarah masjid di Masjid Tuan Tulis bersama pihak Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Pilah serta banyak lagi.

Nilai diri seperti berkebolehan bercakap di khalayak ramai serba sedikit telah termaktub dalam diri saya sekali gus menaikkan tahap keyakinan saya sebagai seorang mahasiswa.

Salah satu anjuran aktiviti yang sering saya terkenang adalah FasFest Educational Fair 2018 di mana saya telah dilantik sebagai Ketua Keselamatan dan bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan keseluruhan majlis dan juga keselamatan Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor iaitu angkasawan pertama Malaysia. Majlis tersebut merupakan salah satu sejarah bagi pihak, UiTMCNSKP kerana ia merupakan majlis anjuran pelajar yang diadakan pertama kali pada peringkat negeri.



Gambar 2: Penulis (kanan) bersama Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor semasa FasFest 2018.

Saya juga masih berkeinginan untuk menceburkan diri dalam aktiviti kesukanan. Oleh itu, saya yang merupakan seorang yang giat bermain sukan badminton pada zaman persekolahan, saya berniat untuk melanjutkan lagi pengalaman saya di kampus. Akan tetapi, kemudahan yang disediakan untuk permainan badminton terletak di luar kampus. Di situlah saya memulakan perjalanan untuk mencari sukan baharu yang boleh diceburi untuk memuaskan rasa dahaga untuk bersukan.

Semasa semester pertama, saya mencuba pelbagai sukan yang ada di UiTMCNSKP seperti sukan *petanque*, bola tampar, futsal dan ragbi. Suatu hari, semasa berjalan kaki ke kolej, saya terlihat sekumpulan pelajar yang berlari sana-sini bertemankan sebuah “piring terbang” bersama mereka. Masih segar dalam memori semasa saya menghadirkan diri ke padang untuk belajar tentang sukan yang tidak pernah dilihat sebelum ini. Sukan tersebut dipanggil sebagai *Ultimate Frisbee*. Seorang senior yang bernama Salim yang juga merupakan fasilitator semasa Majlis Minggu Destini Siswa, telah mengajak dan melatih saya dalam sukan ini. Dipendekkan cerita, saya telah dilantik sebagai Naib Presiden Kelab *Eyehawk Ultimate Frisbee* dan juga menjadi jurulatih kelab di hujung pengajian Diploma.

Daripada hari pertama melibatkan diri, saya telah jatuh cinta terhadap sukan ini yang begitu versatil. Bakal mahasiswa dan mahasiswi boleh membuat rujukan dengan lebih lanjut di mana sukan ini sebenarnya sudah popular di negara luar.

Sukan ini juga wujud di pelbagai institusi pengajian tinggi baik swasta ataupun kerajaan. Banyak pengalaman telah dibina bersama rakan sepasukan seperti melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan yang dianjurkan di pelbagai negeri contohnya *Sakura Tournament* yang diadakan setiap tahun di UniKL Micet, Johor Bahru. Tidak dilupakan pasukan frisbee Mikrobiologi merupakan johan bertahan di setiap anjuran SUPRO iaitu sukan antara program yang diadakan setiap dua semester. Pasukan frisbee UiTM Kuala Pilah juga selalu terlibat bersama UiTM Seremban untuk acara SUPER9 iaitu sukan antara kampus UiTM Negeri Sembilan dan juga aktiviti lawan persahabatan. Tidak dilupakan juga bahawa UiTMCNSKP adalah *pioneer* yang telah mewujudkan sukan ini di UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



Gambar 3: Bersama rakan sepasukan frisbee Mikrobiologi di SUPRO 2019 (atas) dan acara SUPER9 (bawah).

Dengan itu, berakhirlah segenap penceritaan perjalanan seorang bekas mahasiswa UiTMCNSKP. Terlalu banyak pengalaman dan kenangan yang boleh diceritakan, tetapi saya berharap segenap cerita ini mampu memberikan inspirasi buat pembaca. Ketiga-tiga tugu yang diceritakan telah membantu saya dalam menjadi seorang insan yang berkaliber. Akan tetapi saya juga ingin menekankan kepada bakal mahasiswa dan mahasiswi untuk turut tidak melupakan tugu utama seseorang manusia, seperti tugu agama dan keluarga.

Pelajar kena sentiasa mengingati diri sendiri, tujuan utama menghadirkan diri ke kampus UiTMCNSKP adalah untuk bergelar sebagai seorang graduan suatu hari nanti yang membawa kebahagiaan dan kebanggaan buat orang tersayang. Saya juga ingin menasihati bakal pelajar untuk saling aktif dalam melibatkan diri dalam apa jua perkara di dalam kampus terutamanya yang tergerak dek hasutan hati dan minda.



Gambar 4: Bersama ibu dan bapa tersayang semasa Konvokesyen ke-93.



Gambar 5: Saya sentiasa rindukan suasana senja di UiTM Kuala Pilah.

Jikalau pembaca melihat semula perjalanan saya, kesemuanya saya bermula dengan menceburkan diri dalam sesuatu perkara tanpa berfikir apa yang bakal mendatang.

Adalah amat rugi untuk seseorang pelajar jikalau tidak mahu melangkah satu kaki ke dalam apa-apa aktiviti kelab, baik sukan atau organisasi dek kerana perasaan takut atau gementar. Setiap pengalaman, kenangan, cabaran dan sketsa cerita semasa pengajian Diploma di UiTMCNSKP telah terpahat di satu sudut istimewa di dalam hati. Dan juga, ketenangan yang diwujudkan oleh suasana kampus itu sendiri tidak tertanding. "Jikalau diberi pilihan untuk melalui semula pengalaman semasa belajar di kampus ini, akan saya ambil pilihan tersebut tanpa berfikir". Ayat ini sudah cukup untuk menunjukkan kepada mahasiswa dan mahasiswi betapa cintanya saya terhadap UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Saya sedar bahawa setiap perjalanan mahasiswa dan mahasiswi adalah berbeza, akan tetapi jikalau kita sentiasa bersemangat dalam semua perkara dengan niat yang betul, semuanya akan baik-baik sahaja.

*Thrive to be better than the day before.*

Peganglah kata-kata ini. Semasa penulisan ini dibuat, saya baru sahaja menamatkan pengajian dan bakal bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Mikrobiologi Gunaan. Saya juga telah dikurniakan rezeki untuk bekerja tetap di salah satu syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia sejurus selepas menamatkan program *internship* saya di syarikat yang sama. Saya berdoa agar suatu hari nanti, bakal graduan yang telah membaca artikel saya pula yang mengongsikan perjalanan kehidupan mereka pula. Sebelum saya mengakhiri penulisan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian membaca perjalanan kehidupan seorang mahasiswa UiTM.